

ACCOUNTABILITY  
BREEDS  
RESPONSE-ABILITY  
~STEVEN COVEY



### KEHIDUPAN BERAMAL

Kehidupan kita dalam dunia ini ialah kehidupan beramal atau bekerja, kehidupan berjuang dan berlawan-lawan seperti dalam perlumbaan. Tiap-tiap seorang hendaklah menjalankan bahagiannya sendiri dengan tidak bergantung kepada orang akan menjalankannya, tidak berharap kepada pertolongan orang akan menyempurnakannya. Ia sendiri mestilah merasa bertanggungjawab bagi menyempurnakan kewajipan dirinya dan tanggungan dirinya dalam perjuangan dan perlumbaan itu. Maka yang akan menang dalam perlumbaan itu hanyalah orang yang tetap tekun dan sabar menjalankan kerja-kerja kewajibannya itu dengan bergantung kepada ikhtiar dan daya upaya dirinya sendiri, dan memohon pertolongan hanya kepada Allah sahaja.

(Pendita Za'ba)



DO'A MENDAPAT ILHAM ATAU IDEA YANG BAIK

اللَّهُمَّ أَلِّمْنِي رُشْدِي وَأَعْظِنِي مِنْ شَرِّ نَفْسِي

Allahumma alhimni rusydii wa a'idznii min syarri nafsi.

"Ya Allah, berilah aku ilham petunjuk (kecerdasan) dan lindungilah aku dari kejahatan nafsuku."